

**KONVENSYEN ANTARABANGSA MENGENAI PENGHAPUSAN SEMUA  
BENTUK DISKRIMINASI KAUM (ICERD): POLEMIK, SENTIMEN DAN REALITI**

**Abd Aziz A'zmi\***  
Pusat Asasi dan Pengajian Umum  
Universiti Melaka  
abdaziz@unimel.edu.my

**Fabli Yusof**  
Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Universiti Melaka  
fabli@unimel.edu.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 30 October 2021   Accepted Date: 29 November 2021   Published Date: 31 December 2022*

---

**ABSTRAK**

*International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)* atau Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum ialah konvensyen antarabangsa yang mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 1965. ICERD bukan perkara baharu namun konvensyen ini tidak pernah diperkatakan secara meluas di Malaysia bahkan masyarakat kebanyakannya tidak menyedari kewujudan konvensyen ini. Pada tahun 2018, ICERD mendapat perhatian umum di Malaysia. Ia menjadi sensasi kerana didakwa akan menghapuskan dasar afirmatif iaitu Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Artikel ini menjelaskan bagaimana ICERD mula dipolemikkan di Malaysia. Perbincangan juga menjurus kepada implikasi yang mungkin berlaku sekiranya ICERD diratifikasi sehingga menimbulkan sentimen negatif dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam dan membawa kepada perhimpunan besar-besaran menolak ratifikasi ICERD.

**Kata Kunci:** ICERD, ratifikasi, Melayu, diskriminasi, hak.

## **INTERNATIONAL CONVENTION ON THE ELIMINATION OF ALL FORMS OF RACIAL DISCRIMINATION (ICERD): POLEMIC, SENTIMENT AND REALITY**

### **ABSTRACT**

*The International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) is an international convention introduced by the United Nations (UN) in New York in 1965. ICERD is not something new but the convention has never been talked about widely in Malaysia. In fact, most people unknown the existence of the convention. In 2018, ICERD gained highlights in Malaysia. It was a sensation that allegedly will eliminate the affirmative policy of the Federal Constitution as stated in Article 153. This article explains how ICERD began to be debated in Malaysia. The discussion also focuses on the implications that may occur if ICERD was ratified. Plus, the negative sentiment among the Malay-Muslim community brought about a mass demonstration, refusing the ratification of ICERD.*

*Keywords: ICERD, ratify, Malay, discrimination, rights.*

### **PENDAHULUAN**

Konvensyen ini telah dibuka untuk ditandatangani dan disahkan mulai 21 Disember 1965 dan mula berkuat kuasa pada 4 Januari 1969. Setakat tahun 2021, *United Nation Treaty Collections* menyatakan, 182 negara telah meratifikasi konvensyen ini, manakala Malaysia adalah salah satu daripada negara yang belum bersedia untuk menandatangani mahupun meratifikasinya.

ICERD merupakan salah satu daripada sembilan konvensyen antarabangsa PBB berkaitan hak asasi manusia pada masa ini yang diinspirasikan daripada *Universal Declaration of Human Rights* 1948. Setakat ini Malaysia hanya meratifikasi tiga konvensyen antarabangsa iaitu *Convention on the Rights of the Child (CRC)* pada 1995, *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* pada 1995 dan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)* pada 2010 (Borhan Ahmad, 2018). Tujuan ICERD diwujudkan adalah manifestasi daripada tindakan dan perbuatan diskriminasi kaum di seluruh dunia yang disebabkan oleh aktiviti penjajahan. Konvensyen ini memerlukan setiap negara yang menjadi pihak kepada konvensyen ini untuk menggubal undang-undang berkaitan ucapan kebencian antara kaum (*hate speech*) dan menjadikan ianya sebagai satu kesalahan jenayah. Secara umumnya, negara perlu bertindak menghapuskan diskriminasi kaum melalui segala cara dari segi perundangan, dasar, inisiatif pendidikan, bentuk-bentuk hukuman dan sebagainya (McDougall, 2021).

*United Nation Human Rights Office* menyatakan, matlamat utama konvensyen ini adalah untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum dan mempromosikan toleransi antara semua bangsa mahupun etnik sebagai sebuah negara yang bertamadun. ICERD mendefinisikan diskriminasi kaum sebagai:

*“Any distinction, exclusion, restriction or preference based on race, colour, descent, or national or ethnic origin which has the purpose or effect of nullifying or impairing the recognition, enjoyment or exercise, on an equal footing, of human rights and fundamental freedoms in the political, economic, social, cultural or any other field of public life.” (Article 1).*

Dalam konteks dunia Islam, semua negara Islam dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organisation of Islamic Cooperation - OIC*) seperti Arab Saudi, Iran, Indonesia, Oman, Iraq dan Turki telah meratifikasi ICERD dan Mesir telah meratifikasinya seawal tahun 1967. Hanya dua negara Islam sehingga tahun 2021, tidak meratifikasi konvensyen ini iaitu Malaysia dan Brunei (Malaysiakini, 2018). Untuk rekod, penyertaan Malaysia dalam undang-undang antarabangsa kurang diberi perhatian oleh kerajaan terdahulu. Kerajaan Pakatan Harapan, setelah memenangi pilihan raya umum pada 2018 cuba keluar daripada keadaan tersebut dengan memberikan perhatian kepada isu-isu kebebasan dan hak asasi manusia.

## KANDUNGAN UTAMA

ICERD antara lain memperuntukkan Perkara 1 (1) adalah takrifan ‘diskriminasi kaum’ yang bermaksud “sebarang perbezaan, pengecualian, sekatan atau keutamaan berdasarkan bangsa, warna, keturunan...”. Ringkasnya, takrifan ini merujuk kepada pemberian keistimewaan kepada sesuatu kumpulan berdasarkan kaum adalah suatu bentuk diskriminasi. Sebaliknya, Perkara 1 (2) secara ringkasnya menyatakan tindakan layanan yang berbeza adalah dibenarkan antara warganegara dan bukan warganegara atas sebab untuk menunjukkan konvensyen ini tidak menjejaskan sebarang peruntukan undang-undang berkaitan kewarganegaraan sesebuah negara.

Perkara 1(4) dan 2 (2) pula membenarkan “*special measures taken for the sole purpose of securing adequate advancement of certain racial or ethnic groups or individuals requiring such protection*”. Perkara ini adalah selari dengan Perkara 89 dan 153 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, ICERD telah meletakkan had masa tertentu yang mana Perkara 89 dan Perkara 153 serta lain-lain Perkara berkaitan dalam Perlembagaan Pesekutuan, apabila tiba masanya, perlulah dipinda supaya selari dengan objektif kewujudan ICERD, iaitu perkara-perkara yang bertentangan dengan ICERD tidak boleh diteruskan apabila tujuan atau objektif yang mana diambil telah tercapai. Akibat daripada syarat yang sedemikian, kritikan dan bantahan terhadap ICERD memuncak memandangkan menurut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 89 dan Perkara 153 adalah terpakai dengan tiada had masa. Peruntukan tersebut akan kekal selama ianya jika tidak dipinda menurut Perkara 159 (5) dan Perkara 38 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan 2/3 majoriti dewan Parlimen serta perkenan Majlis Raja-Raja atau Gabenor Sabah dan Sarawak untuk dipinda.

Perkara 3 berkaitan dasar *apartheid*. Malaysia dilihat tiada masalah dengan peruntukan ini kerana sepanjang kewujudan Malaya dan Malaysia, dasar *apartheid* tidak pernah diamalkan seperti mana yang berlaku di Afrika Selatan sebelum amalan itu dihapuskan setelah diperjuangkan oleh Nelson Mandela.

Perkara 5 mengkehendaki negara pihak iaitu negara yang meratifikasi konvensyen ini mesti menghapuskan diskriminasi dan menjamin perkara-perkara berikut:

- Hak kepada semua orang untuk mengambil bahagian dalam politik seperti bertanding dalam pilihan raya;
- Hak untuk kebebasan bergerak dan tinggal dalam sempadan negara;
- Hak untuk kebebasan keluar negara dan kembali semula;
- Hak untuk kebebasan memiliki harta secara bersendirian atau bersama-sama orang lain;
- Hak untuk mewarisi harta;
- Hak untuk kebebasan berhimpun dan berpersatuan dan lain-lain.

Berdasarkan kepada Perkara 5 ICERD, ia kelihatan selari dengan Perlembagaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 5 hingga Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

ICERD melalui Perkara 20 membenarkan negara yang meratifikasi untuk membuat pengecualian (*reservation*) terhadap hal-hal tertentu. Sebagai contoh, Amerika Syarikat menerima ICERD tetapi menolak kepada apa-apa peruntukan dalam ICERD yang bertentangan atau melanggar Perlembagaan Amerika Syarikat. Malaysia juga secara dasarnya boleh bertindak sedemikian seperti yang pernah dilakukan semasa meratifikasi konvensyen-konvensyen lain sebelum ini, namun tertakluk kepada Perkara 8 (5) Perlembagaan Persekutuan. Malaysia secara umumnya telah menerima peruntukan yang terkandung dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 melalui Seksyen 4 (4), Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999, namun hanya meratifikasi tiga daripada sembilan konvensyen antarabangsa berkaitan hak asasi manusia.

### **BAGAIMANA ICERD MENJADI POLEMIK?**

ICERD tidak pernah menjadi bualan masyarakat ataupun diberitakan di media massa, sehinggalah berlaku pertukaran kerajaan pada 2018. Menteri Luar, Saifuddin Abdullah, pada Julai 2018, mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan baharu komited untuk mengambil langkah-langkah menambahbaik amalan hak asasi manusia di negara ini dengan meratifikasi enam lagi konvensyen antarabangsa yang belum disertai Malaysia termasuklah ICERD (The Star, 2018). Komitmen itu diberikan sebagai langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara "*human rights-friendly nation*" atau negara mesra hak asasi. Langkah ini dibuat kerana Malaysia pada ketika ini dinilai sebagai negara yang mempunyai rekod hak asasi yang tidak memuaskan kerana terlalu dikawal oleh bidang kehakiman dan pelaksanaan undang-undang yang keterlaluan oleh pihak penguatkuasa undang-undang (Borhan Ahmad, 2018).

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut mengeluarkan kenyataan yang sama semasa berucap di Perhimpunan Agung PBB ke-73 pada 28 September 2018 dengan menyatakan:

*"The new government of Malaysia has pledged to ratify all remaining core UN instruments related to the protection of human rights. It will not be easy for us because Malaysia is multi-ethnic, multireligious, multicultural and multilingual. We will accord space and time for all to deliberate and to decide freely based on democracy." (Malaysiakini, 2018).*

Hal ini memperlihatkan keterbukaan kerajaan yang tidak disenangi oleh golongan tertentu. Langkah kerajaan itu telah mencetuskan bantahan pihak-pihak berkepentingan berkaitan Melayu dan Islam kerana dibimbangi boleh mengancam kedudukan dan keistimewaan Bumiputera dan Islam.

Kandungan kontroversi ICERD yang meningkatkan suhu politik domestik negara adalah pada Perkara 2 (2) iaitu:

*"...countries party to the treaty are permitted to enact race-based affirmative action with the objective of securing the 'adequate development' of a given group's members, such measures cannot 'entail...the maintenance of unequal or separate rights for different racial groups' after this is achieved."*

Frasa ini menjadi hujah penentang ICERD dengan mendakwa ianya “kelihatan seperti selari” dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang melindungi kepentingan dan kedudukan Melayu dan Bumiputera. Namun begitu, terdapat syarat yang kemudiannya akan menghapuskan keistimewaan tersebut apabila telah tiba ‘*expiry date*’ atau masa yang tertentu. Maka, perkara inilah yang dilihat sebagai mengancam Perkara 153 yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak boleh dipinda selagi tidak dipersetujui 2/3 dewan Parlimen, Majlis Raja-raja dan Gabenor Sabah dan Sarawak. Sekiranya ratifikasi dilakukan, Perkara 153 pada suatu masa nanti dipercayai perlu dihapuskan, sekaligus menghapuskan hak istimewa yang tersebut, dan ia adalah satu perkara yang sangat tidak boleh diterima akibat menyertai suatu perjanjian antarabangsa yang tidak memihak kepada golongan penduduk asal negara ini. Walau bagaimanapun, sesetengah pengamal perundangan berpendapat, Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda walaupun negara telah meratifikasi konvensyen tersebut. Malahan, mereka melihat adalah suatu yang tidak tepat untuk mengatakan bahawa perjanjian tersebut adalah satu bentuk campur tangan asing terhadap sistem politik negara (Jefferi Hamzah Sendut, 2018)

Kerajaan melalui kenyataan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial) Senator P. Waytha Moorthy, memberi justifikasi bahawa meratifikasi konvensyen tersebut adalah selaras dengan manifesto PH sebelum memenangi pilihan raya umum. Namun, bantahan tetap berterusan dan menimbulkan kekusaran awam sehingga mewujudkan banyak perdebatan di pelbagai peringkat dalam masyarakat. Komitmen yang ditunjukkan kerajaan PH dilihat terlalu progresif dan drastik dalam mengangkat isu-isu hak kemanusiaan apabila membuat keputusan untuk menandatangani dan meratifikasi ICERD. Selain itu, isu Statut Rom juga menjadi polemik yang menambah lagi sentimen tidak puas hati kelompok Melayu-Islam terhadap kerajaan. Kedua-dua konvensyen antarabangsa ini pernah diteliti oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) yang merupakan kerajaan terdahulu pimpinan Mahathir Mohamad, namun ia tidak menjadi keutamaan dan tidak mendapat perhatian umum disebabkan akses maklumat pada ketika itu tidak meluas seperti penggunaan media sosial pada masa kini.

Perkembangan isu tersebut, turut dibahaskan dalam Dewan Rakyat pada Oktober 2018 yang turut menyuarakan kebimbangan berkaitan ancaman terhadap Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Peluang ini digunakan sebaiknya golongan pembangkang konservatif seperti parti Umno dan Pas yang telah memulakan gerak kerja menyeru orang ramai turun ke jalanan untuk mengadakan protes. Pemimpin kedua-dua parti ini giat menggerakkan para penyokongnya dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu dan Islam untuk turut sama menyertai himpunan yang dijadualkan pada 8 Disember 2018.

## **MENJENTIK SENTIMEN MELAYU-ISLAM**

ICERD yang asalnya bertujuan menentang diskriminasi perkauman global kemudiannya dilihat oleh sesetengah pihak sebagai ancaman terhadap hak istimewa Bumiputera dan Islam dalam konteks Malaysia. Ia menjadi isu hangat dan kebimbangan masyarakat Melayu-Islam apabila dikaitkan dengan percanggahan yang boleh menjejaskan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang merupakan dasar afirmatif negara sejak penggubalan Perlembagaan Persekutuan oleh Suruhanjaya Reid. Pihak berkepentingan dilihat berjaya menanam persepsi kurang senang dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan kelompok sasaran ini.

Usaha menolak ICERD telah digerakkan secara besar-besaran oleh dua parti utama berteraskan nasionalis dan Islamis iaitu Umno dan Pas. Usaha kedua-duanya tampak amat berkesan memandangkan kedua-dua parti tersebut berkongsi idea perjuangan yang sama iaitu mengangkat dan memartabat Islam di negara ini. Bahkan kolaborasi kedua-duanya begitu menjadi untuk bangkit melawan kerajaan selepas mengalami kekalahan dalam pilihan raya umum beberapa bulan sebelum itu. Kerajaan diserang dengan label tidak pro Melayu, tidak pro Islam dan liberal. Naratif yang dimainkan ini berjaya menarik sokongan masyarakat Melayu dan Islam menghadiri himpunan bantahan terhadap keputusan kerajaan PH yang mahu meratifikasi ICERD.

Naratif yang dimainkan Umno dan Pas adalah Islam dan Muslim sedang terancam. Malahan seruan untuk hadir ke perhimpunan anti-ICERD dianggap sebagai “jihad” oleh Pas. Pemimpinnya menyatakan ICERD amat menyakiti orang Melayu dan orang Melayu boleh bertindak di luar batas apabila ditekan dengan keterlaluan oleh pihak tertentu. Umno juga melaung-laungkan perhimpunan tersebut sebagai “penyatuan muslim”. Peserta himpunan menyatakan, mereka mahu mempertahankan Islam dan bimbang kerajaan akan meratifikasi ICERD yang boleh menjejaskan haknya sebagai Bumiputera. Situasi ini memperlihatkan peserta himpunan yang menolak ICERD, percaya dengan naratif Islam dan Bumiputera terancam.

Sentimen kuat terhadap agama Islam menyebabkan jumlah kehadiran ke perhimpunan tersebut dianggarkan mencapai 55,000 orang mengikut kenyataan yang dikeluarkan pihak polis (Safeek Afendy Razali, 2018). Malahan sumber dari NGO mendakwa jumlah peserta himpunan mencecah 300 ribu orang, sebagaimana yang dilaporkan oleh wartawan *New Straits Times Press (NSTP)* yang turut menyatakan anggarannya melalui pemerhatian di sekitar Kuala Lumpur. Secara teorinya, sentimen adalah satu ‘alat’ yang boleh dimanipulasikan sesuatu pihak dan mampu menggerakkan sejumlah besar rakyat dalam perhimpunan massa. Himpunan ICERD dikatakan sebagai himpunan yang amat signifikan dengan kehadiran peserta yang amat ramai sehingga berjaya mengubah pendirian penting kerajaan yang akhirnya tidak meratifikasi ICERD.

Antara perkara yang menentukan kejayaan himpunan ini adalah, atas nama Islam, orang Melayu melupakan perbezaan politik antara penyokong Umno dan Pas. Selain itu, ia memperlihatkan bahawa Islam dan Melayu adalah isu yang amat sensitif dan bukan mudah untuk dipinda atau diubahsuai walau dengan apa cara sekalipun. Dengan kehadiran massa gergasi, Melayu dan Islam adalah golongan rakyat majoriti yang akhirnya menjadi penentu hala tuju negara dalam isu-isu tertentu. Melihat kepada gerak kerja penganjuran himpunan ini, masyarakat dapat melihat keupayaan sesuatu parti dan NGO yang mampu menghimpunkan puluhan ribu rakyat tanpa perlu menawarkan ganjaran untuk menggerakkan suara bantahan rakyat (Aminuddin Yahya, 2019).

Isu ini terus menghangatkan perdebatan pelbagai pihak dan menerima respon daripada individu berpengaruh. Antaranya, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan, telah memutuskan bahawa, ICERD tidak perlu dan tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia. Pasti beliau memberi pendapat dari aspek agama yang mencegah sesuatu sebelum mengakibatkan sesuatu yang lebih buruk kesannya. Beliau menegaskan, kemudaratan pelaksanaan ICERD dikhuatiri lebih besar daripada kebaikannya. Meratifikasi ICERD secara sewenang-wenang akan dilihat mendahului kuasa dan kedudukan Majlis Raja-Raja. Membuka ruang kepada mana-mana pihak mencabar keabsahan Perkara 153 atas alasan ia bercanggah dengan ICERD pada masa akan datang serta membuka ruang kepada mana-mana pihak

mencabar kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan keistimewaan terhadap agama Islam. Selain itu, pihak yang menghujahkan bahawa hampir semua negara Islam telah meratifikasi konvensyen tersebut, beliau menjelaskan, hujah tersebut tidak sesuai untuk diterima kerana sejarah, adat dan *uruf* setempat negara berkenaan berbeza dengan negara ini (Zulkifli Mohamad, 2018).

Persoalan lain yang timbul adalah, adakah dengan tidak meratifikasi ICERD, kerajaan secara legal boleh melakukan penindasan atau mencabul hak asasi manusia? Persoalan sebegini perlu dijawab dengan meneliti kembali peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan pada Perkara 5 hingga Perkara 13 (Raziatul Hanum, 2018) yang telah menetapkan jaminan dan hak semua warganegara tanpa mengira perbezaan latar belakang diri setiap daripadanya. Maka, sewajarnya tidak timbul isu menzalimi hak atau pencabulan hak asasi berlaku di Malaysia.

Pandangan atau respon daripada tokoh sebegini sebenarnya penting dalam menyokong pendirian sesuatu pihak. Ia sering dijadikan sandaran bagi mewajarkan sesuatu tindakan, terutamanya apabila menyentuh sensitiviti agama. Maka, kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan ini secara tidak langsung membakar semangat para peserta himpunan untuk terus membantah ICERD dengan justifikasi yang tersebut.

Dari suatu sudut pandangan berbeza, terdapat pihak lain yang tampil menjelaskan bahawa pemahaman penentang ICERD adalah salah dan berlaku salah faham akibat penyampaian maklumat yang sengaja mengelirukan untuk menakut-nakutkan rakyat demi mencapai maksud kepentingan politik pihak tertentu. Hal ini dijelaskan sebagai *fear mongering* (James Chin, 2018) atau mencetus ketakutan.

Ketakutan yang dicituskan dalam polemik ini ialah pendirian kerajaan adalah satu bentuk tindakan anti-Melayu dan anti-Islam. Lebih menguatkan dakwaan ini ialah Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang juga sebahagian daripada kerajaan PH telah lama dilabel sebagai anti-Melayu dan anti-Islam yang sering dilihat sebagai “ancaman” kepada kepercayaan konsep “ketuanan Melayu”. Meratifikasi ICERD bermaksud Melayu akan kehilangan hak istimewa seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini yang dikenali sebagai dasar afirmatif telah diperkasakan lagi selepas berlakunya rusuhan 13 Mei 1969 yang memecah belahkan perpaduan kaum pada ketika itu akibat rasa saling tidak puas hati antara kaum. Disebabkan kemunduran ekonomi orang Melayu akibat penjajahan ratusan tahun, kerajaan pasca merdeka menjustifikasikan perlunya dasar ini bagi memelihara ekuiti Melayu. Perkara ini amat sensitif dan dianggap sebagai tabu untuk dibincang dan dipertikai apatah lagi untuk dihapuskan.

Ketakutan, rasa panik dan kegusaran kelompok Melayu dan Islam dimanipulasikan agar ia dapat diterjemahkan dalam bentuk sokongan politik. Aktivis politik melihat situasi ini sebagai peluang yang digunakan oleh parti politik dan NGO konservatif seperti Umno, Pas dan Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) untuk menyampaikan ucapan dan ceramah kepada masyarakat atas nama mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Situasi pada ketika itu menampakkan kekuatan politik parti tersebut dalam menarik sokongan masyarakat dengan menggunakan isu agama dan kaum – jelas demi kepentingan Melayu dan Islam sebagai asas perjuangannya.

Di sebalik lantang menyuarakan kepentingan mempertahankan Islam dan hak istimewa Melayu dan Bumiputera, ada aspek lain yang didapati longgar. Sejauh mana tahap pengetahuan

dan pemahaman mereka untuk mengulas mengenai ICERD terutamanya pemisahan antara amalan pendiskriminasi dengan program afirmatif sesuatu negara. Melihat kepada beberapa rakaman temu bual spontan yang tular di media sosial, sesetengah peserta himpunan yang menentang ICERD gagal menjelaskan dengan baik malahan memperlihatkan pemahaman yang kurang jelas tentang apa sebenarnya ICERD. Sesetengahnya merasakan tidak menikmati hak keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan, walhal ianya telah berlangsung sejak beberapa dekad lalu (Halmie Azri, 2018). Kelompok ini menyatakan bahawa penganjur meyakinkan mereka bahawa sekiranya ICERD diratifikasi, ia akan menjejaskan Majlis Amanah Rakyat (MARA), sekolah berasrama penuh, Universiti Teknologi MARA, tanah rezab Melayu dan lain-lain hak berkaitan Melayu dan Bumiputera. Hal ini yang disebutkan sebagai *fear mongering*, sama ada secara benar atau ilusi, mereka terdedah dimanipulasikan dan terdorong untuk memberi sokongan kepada pihak yang menjanjikan perlindungan dan pembelaan (Veera Pandian, 2018).

Dunia hari ini dianggap moden dan bertamadun. Apa jua perbuatan diskriminasi dan penindasan tidak lagi boleh diterima. Malahan budaya ini disebar luaskan ke seluruh dunia dalam pelbagai bidang sama ada sukan, kemasyarakatan, keagamaan dan organisasi kerja demi mencipta kesedaran sejagat. Mempromosikan hak asasi adalah langkah ke hadapan yang progresif bersama masyarakat dunia, namun dalam sesetengah perkara langkah yang terlalu progresif atau liberal tidak diterima dengan baik oleh sesetengah kelompok masyarakat. Demikianlah yang berlaku dalam isu ICERD di Malaysia. Pemimpin veteran DAP, Lim Kit Siang menyatakan, mempromosikan hak asasi adalah suatu langkah yang baik, namun beliau akur dan menyokong keputusan kerajaan yang akhirnya tidak meratifikasi konvensyen tersebut walaupun ia adalah satu langkah ke belakang (Hilmi Malik, 2018).

Dr. Azmi Sharom, ahli akademik Universiti Malaya (UM) berpandangan, tiada ancaman atau percanggahan dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, namun ia menjadi rumit untuk diteruskan apabila mendapat perhatian luas yang menjurus kepada sentimen masyarakat yang banyak dipengaruhi oleh pemain-pemain politik yang dapat dilihat beberapa bulan sebelum kerajaan membatalkan keputusan meratifikasi ICERD (Angaindrankumar Gnanasagaran, 2018). Dr Rabi'ah Aminudin, dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menjelaskan berdasarkan pengamatannya, naratif yang dibawa kepada masyarakat tidak banyak berkisar tentang implikasi atau kebaikannya dari segi perundangan apabila ICERD diratifikasi, sebaliknya perbincangan massa lebih tertumpu kepada apa yang bakal menimpa kepada orang Melayu (Syahirah Syed Jaafar, 2020). Pandangan ahli akademik ini menunjukkan bahawa media dan masyarakat masih belum memberikan fokus yang betul kepada isu yang diperdebatkan umum. Malahan andai ada penerangan yang betul mengenai ICERD dan implikasi meratifikasinya disalurkan melalui media, ia gagal disebar secara meluas kepada masyarakat memandangkan masyarakat lebih tertarik dengan hal-hal kontroversi dan kenyataan-kenyataan populis politik.

## **KERAJAAN AKUR**

Setelah ditekan dan dikritik pelbagai pihak, media melaporkan pada 21 November 2018, Saifuddin Abdullah mengeluarkan kenyataan di Dewan Rakyat bahawa kerajaan sedia menanggungkan ratifikasi ICERD dan mendakwa ia bukan keutamaan bagi Malaysia pada ketika itu (BERNAMA, 2018). Kenyataan ini dibuat setelah beberapa ahli parlimen memberikan pandangan mengenainya. Mereka sedar bahawa langkah kerajaan hanya akan membawa keclaruan dalam masyarakat, walhal kerajaan seharusnya memberikan fokus kepada isu-isu ekonomi negara (Luqman Arif Abdul Karim, 2018) yang dikatakan sedang



mengalami kemerosotan selepas ditadbir oleh kerajaan BN sejak sekian lama. Penganalisis ekonomi berpendapat, langkah kerajaan mengenai ICERD adalah sesuatu yang terlalu awal. Kerajaan sepatutnya memberikan penumpuan kepada suara pengundi di kawasan urban dan semi-urban yang banyak memberikan kemenangan kepada PH dalam pilihan raya umum (Amy Chew, 2018).

Kerajaan juga menerima kritikan kerana membuat pusingan U setelah Perdana Menteri memberi jaminan untuk memberi komitmen terhadap konvensyen-konvensyen antarabangsa mengenai hak asasi di PBB. Khairy Jamaluddin contohnya “mengkritik dalam menyokong” dengan berkata, “tidak meratifikasi ICERD selepas membuat komitmen, adalah langkah memalukan, tetapi perlu” (Hafiz Ismail, 2018). Hal ini suatu yang dijangka memandangkan keputusan kerajaan berkaitan isu tersebut adalah suatu yang sensasi dan kontroversi yang memicu kepada bantahan awam secara berterusan mengenai isu sensitif.

Dari segi percaturan politik, bimbang akan kehilangan populariti khususnya dalam kalangan kaum Melayu yang merupakan majoriti pengundi, kerajaan PH akhirnya menarik balik pengiktirafan Malaysia ke atas ICERD dan Statut Rom dengan sokongan kuat parti Bersatu yang bercita-cita tinggi untuk mengambil-alih peranan Umno sebagai parti berasaskan Melayu terbesar di Malaysia (Mohamad Nadzri Mohamed Noor, 2020). Dalam kes pusingan-U ICERD umpamanya, pemimpin Bersatu bertanggungjawab dalam memberikan tekanan dalaman supaya kerajaan PH menarik balik keputusan itu (Nor Fazlina, 2018). Kenyataan ini diperkuat lagi apabila media melaporkan kenyataan Dr. Radzi Jidin yang merupakan Ketua Penerangan Bersatu yang menyatakan bahawa Bersatu menyokong penuh tindakan kerajaan tidak meratifikasi ICERD (Astro Awani, 2018).

Seterusnya, kerajaan secara rasmi mengumumkan tidak meratifikasi ICERD pada 23 November 2018. Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan akan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang dipersetujui oleh wakil semua kaum sewaktu pembentukan negara ini (Mohd Hafiz Ismail, 2018).

Himpunan bantahan ICERD pada awalnya bermotifkan protes dan mendesak kerajaan agar tidak meratifikasinya. Namun, kerajaan terlebih awal telah mengumumkan tidak akan meratifikasi konvensyen tersebut, menyebabkan himpunan yang telah dirancang pada 8 Disember 2018 berubah kepada himpunan yang “meraikan” kejayaan mereka memberikan tekanan kepada kerajaan untuk mengubah keputusan (Kamilia Khairul Anuar, 2019). Di samping itu, mesej-mesej penolakan dan bantahan terhadap ICERD tetap terus dilontarkan melalui kain rentang, poster, *headband* dan pakaian yang dipakai peserta himpunan. Saga ICERD di Malaysia memperlihatkan perlunya keterbukaan dan keazaman politik oleh rakyat dan kerajaan jika ingin meratifikasi dan memberi sepenuh komitmen kepada usaha mengangkat hak asasi manusia tanpa dipengaruhi sentimen terhadap isu-isu tertentu yang menunjukkan masyarakat masih belum bersedia ke arah tersebut.

Mengimbas kembali pentadbiran Mahathir sebagai Perdana Menteri pada kali pertama, baginya ICERD bukan perkara baru. ICERD pernah diutarakan ketika beliau menjadi Perdana Menteri sepanjang 1981 hingga 2003, namun beliau menolaknya. ICERD tidak mendapat liputan meluas media massa, manakala rakyat kebanyakannya tidak mengetahui mengenainya seperti mana yang berlaku sekarang. Mahathir tidak berminat dengan idea ICERD yang dilihat akan membuatkan dirinya dan pentadbirannya terikat dengan klausa-klausa konvensyen

antarabangsa tersebut. Kekangan ini akan mengganggu idea dan pelaksanaan dasar domestik negara khususnya agenda memperkasa Bumiputera, bahkan turut akan mempengaruhi dasar luar negara kepada suatu dasar yang tidak diinginkannya.

Inilah sebabnya mengapa Malaysia tidak meratifikasi banyak konvensyen antarabangsa mengenai hak asasi manusia ketika Mahathir mentadbir negara ketika itu dan diteruskan oleh Perdana Menteri berikutnya. Berdasarkan apa yang diucapkan Mahathir dalam Perhimpunan Agung PBB pada September 2018, hakikat yang perlu diterima ialah bercanggah dengan apa yang diucapkannya. Mahathir tetap percaya bahawa kebanyakan masyarakat Malaysia belum cukup matang untuk menerima pelaksanaan konvensyen antarabangsa terutamanya berkaitan diskriminasi perkauman, hak asasi dan hak politik. Realiti politik di Malaysia adalah berteraskan kaum dan agama khususnya Islam sejak era kemerdekaan negara. Ia tidak akan berubah dalam sekelip mata (James Chin, 2018). Kenyataan yang sama pernah disampaikan oleh salah seorang cucu kepada Tun Tan Cheng Lock, Tan Siok Choo, ketika ditemu bual dalam sebuah dokumentari bertajuk *Road to Nationhood: Journey to Independence*.

Setelah cadangan untuk meratifikasi ICERD dibatalkan, kenyataan media kerajaan menyebut, “Kerajaan akan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini” (Astro Awani, 2018). Ironinya, kenyataan kerajaan itu amat mirip sekali dengan apa yang diperkatakan oleh para pemimpin Umno dan Pas semasa berceramah dan berucap dalam himpunan menolak ICERD iaitu “untuk pertahankan Perlembagaan Persekutuan”.

## **POLEMIK ICERD VS PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN: BERCANGGAH ATAU SELARI?**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukan dalam Perkara 5 hingga Perkara 13 berkaitan perlindungan hak asasi dan melarang diskriminasi antara kaum atau bangsa. Namun dalam beberapa Perkara seperti Perkara 8 (2) mengisytiharkan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak kepada perlindungan undang-undang tanpa mengira bangsa dan kaum. Perkara 8 (2) memperuntukkan “Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau perkerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau pejalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.”

Seterusnya Perlembagaan memperuntukkan dalam Perkara 12 (1) berkaitan pendidikan iaitu tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir. Perkara 136 pula berkaitan layanan terhadap kakitangan persekutuan adalah tertakluk kepada terma dan syarat pekerjaan mereka, semua orang walau apa pun rasnya, dalam gred yang sama dalam perkhidmatan Persekutuan hendaklah diberi layanan yang saksama. Begitu juga dalam Perkara 14 - 22 berkaitan kewarganegaraan, proses pilihan raya, keanggotaan ahli Parlimen dan kedudukan dalam kabinet, perkhidmatan awam, kehakiman dan suruhanjaya yang dinyatakan dalam Perlembagaan, semuanya adalah bebas daripada perbezaan kaum.

Walaupun Perlembagaan melarang diskriminasi antara kaum, terdapat beberapa peruntukan yang hanya diberikan kepada bangsa Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak. Peruntukan tersebut adalah merupakan suatu hak keistimewaan yang diberikan sebagai mengiktiraf penduduk asal Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Antara peruntukan tersebut ialah Perkara 8 (5) Rejimen Askar Melayu Diraja, Perkara 12 (2) keistimewaan diberikan kepada Persekutuan atau sesuatu negeri menubuhkan dan menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu. Peruntukan sedemikian tidak diberikan kepada agama lain. Berkaitan pembiayaan kewangan kepada institusi Islam, Perkara 89 berkenaan Tanah Rezab Melayu dan seterusnya Perkara 153 berkenaan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Peruntukan dalam Perkara 153 pula adalah tidak mendiskriminasikan kaum lain yang mana hanya ada beberapa bidang tertentu terutamanya kedudukan dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan pendidikan serta kemudahan latihan, lesen dan permit serta pendidikan di peringkat lebih tinggi yang diberi keistimewaan kepada orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak. Namun Perkara 153 memperuntukan juga bahawa YDPA perlu menjaga hak kaum-kaum lain yang sah "*legitimate interests of other communities*". Begitu juga keistimewaan berkaitan dengan tanah rezab Melayu (Perkara 89 (2)) memperuntukkan bahawa mana-mana tanah sesuatu negeri yang pada masa ini bukan tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang yang sedia ada dan yang belum dibangunkan atau dicucuk tanam boleh diistiharkan sebagai tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang.

Hak-hak tersebut adalah satu keistimewaan yang bukan bersifat mendiskriminasi hak kaum minoriti yang lain. Keistimewaan ini diberikan berdasarkan sejarah negara Malaysia sendiri. Tujuan peruntukan yang memberikan keistimewaan ini adalah bagi memberi ruang kepada masyarakat Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak melalui undang-undang untuk turut bersaing dengan bangsa lain di negara ini dalam arus pembangunan sosioekonomi.

## **KESAN TERHADAP ISLAM**

ICERD dikhuatiri akan menjejaskan agama Islam. ICERD dikatakan menentang diskriminasi antara kaum dan tidak menggambarkan ia cenderung kepada mana-mana agama, anutan atau fahaman. Manakala Islam pula dikatakan menggalakkan kesamarataan antara kaum. ICERD telah diratifikasi oleh 176 negara yang mana 49 adalah negara Islam dan hanya Malaysia dan Brunei sahaja yang belum meratifikasinya (Shad Saleem Faruqi, 2018).

Berdasarkan perkembangan terkini yang berlaku di Malaysia dalam kes *Iki Putra bin Mubarak lwn Kerajaan Negeri Selangor (No. kes BKA-3-11/2019) Mahkamah Persekutuan Malaysia*, (Keputusan kes dibuat pada 25 Februari 2021) yang mana peruntukan dalam enakmen jenayah syariah telah dicabar dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan sebagai bercanggah dengan Perlembagaan. Begitu juga kes antara *Jill Ireland binti Lawrence lwn Menteri bagi Kementerian Dalam Negeri dan yang lain (Permohonan semakan kehakiman No. R4 (2)-25-256-2008) Mahkamah Tinggi Malaya, Malaysia*, (Keputusan kes dibuat pada 10 Mac 2021) yang mana dalam kes ini mahkamah telah membenarkan orang bukan Islam (Kristian) untuk menggunakan perkataan "Allah" dalam upacara agama mereka. Sedangkan sebelum ini bukan Islam adalah tidak dibenarkan menggunakan perkataan "Allah" dalam upacara keagamaan mereka kerana ia membawa maksud yang berbeza dari apa yang difahami

dalam Islam. Tidaklah mustahil jika ICERD diratifikasikan maka akan ada lagi pihak yang akan mencabar undang-undang Islam di Malaysia kerana ICERD boleh menyebabkan ruang untuk mencabar undang-undang Islam terbuka lebih luas.

### **RAJA-RAJA MELAYU DAN PERKARA 153**

ICERD dikatakan tidak menentang atau anti sistem beraja dan tidak akan memberi kesan kepada kehormatan dan kemuliaan sistem beraja. Dunia hari ini, terdapat 27 negara yang mengamalkan sistem beraja dan enam daripadanya adalah sistem beraja mutlak.

Adakah ratifikasi ICERD helah untuk mansuhkan perkara 153 dan hapuskan hak keistimewaan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak? Perkara 153 (1) memperuntukkan:

“Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.”

Perkataan *“Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu...”*

- Fasal (2), antara lain, menghendaki Yang di-Pertuan Agong menjalankan fungsinya mengikut apa-apa cara yang perlu bagi melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan untuk memastikan dibuat perizaban bagi mereka mengikut kadar yang difikirkan munasabah oleh Baginda mengenai jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, dana siswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan dan yang seumpamanya atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga mengenai permit dan lesen.
- Fasal (3) mengatakan bagi memastikan perizaban yang disebut dalam fasal (2) itu dibuat, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi apa-apa arahan am yang perlu kepada mana-mana suruhanjaya atau pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan mengenai pemberian biasiswa, dana siswa atau keistimewaan pendidikan atau latihan atau kemudahan khas lain itu.
- Fasal (6) memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberi arahan kepada pihak berkuasa berkenaan untuk memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak mengikut kadar yang difikirkan munasabah oleh Baginda mengenai permit atau lesen yang diperlukan bagi mengendalikan apa-apa pertukangan atau perniagaan yang diperuntukkan dalam undang-undang Persekutuan yang sedia ada.
- Mengikut Fasal (8A), Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk memberi apa-apa arahan yang perlu kepada pihak berkuasa berkenaan untuk memastikan kadar perizaban yang difikirkan munasabah oleh Baginda mengenai tempat-tempat di universiti, kolej atau institusi pendidikan untuk orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak.

Perlu diambil perhatian bahawa peruntukan yang sama dengan Perkara 153 itu terdapat juga dalam perlembagaan-perlembagaan negeri, termasuk Sabah dan Sarawak yang menggantikan perkataan ‘Melayu’ dengan ‘anak negeri’ (*natives*). Biar apa pun, bagi negeri-negeri lain, Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertua - Yang di-Pertua Negeri dipertanggungjawabkan untuk melindungi hak keistimewaan orang Melayu dan anak negeri

Sabah dan Sarawak dan memastikan dibuat perizaban mengenai perkara-perkara yang disebut itu untuk mereka.

- Perlembagaan Persekutuan dan negeri-negeri
- Hak keistimewaan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak
- Hak dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertua - Yang di-Pertua Negeri

Menurut Abdul Hamid Mohamad (2018), alasan yang berikan oleh pihak yang menyokong penerimaan ICERD adalah untuk memansuhkan Perkara 153 (walaupun mereka tidak berkata dengan terus terang) ialah Perkara 153 itulah yang menghalang perpaduan. Dalam kata-kata lain, mansuhkan Perkara 153, perpaduan akan tercapai. Hapuskan hak keistimewaan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan berikan kepada semua kaum hak yang sama maka perpaduan akan wujud adalah satu hujah yang tidak kukuh. Amat mengejutkan juga bagaimana fakta-fakta berkaiatan ICERD telah dimanipulasi untuk mengelirukan masyarakat umum yang tidak faham undang-undang dan kesannya. Digambarkan seolah-olah ratifikasi dapat dilakukan dengan membuat ketentuan tertentu dan dengan demikian, kononnya tidak akan melanggar ketentuan Perlembagaan.

Perlu difahami bahawa sekatan yang dikenakan oleh ICERD sangat luas dan secara langsung bertentangan dengan kompromi Perlembagaan Persekutuan. Definisi "diskriminasi kaum" di bawah ICERD ini merangkumi semua perkara, dan tidak pernah dapat diselaraskan dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan kita. Walaupun memang ada pengecualian yang dibenarkan untuk definisi diskriminasi kaum, namun Perkara 153 tidak termasuk dalam kategori yang dibenarkan di bawah ICERD. Hakikatnya, keluasan yang diliputi oleh ICERD ini bermaksud bahawa parti politik seperti PPBM, Umno, MCA, MIC dan parti berasaskan etnik di Sabah dan Sarawak akan dianggap tidak sah.

Fasal 4 ICERD secara ringkasnya, diskriminasi seperti yang terkandung dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dibenarkan jika ia memenuhi syarat-syarat yang disebut dalam fasal ini. Tanpa menghujahkan alasan-alasan lain, Perkara 153 tidak akan terkecuali kerana ia bukan bagi suatu tempoh yang terhad. Ia tidak menyebut bahawa ia tidak akan "diteruskan setelah tujuan yang ia (langkah itu) diambil telah dicapai". Selain dari itu, jika konvensyen itu disahkan, pihak yang tidak mahu adanya Perkara 153 akan menghujahkan bahawa tujuannya telah tercapai dan masa selama lebih daripada 60 tahun sudah cukup panjang dan ia tidak sepatutnya dibiarkan berterusan.

Perkara 2 Fasal 1 ICERD, ringkasnya, kerajaan hendaklah, antara lain, berusaha untuk menghapuskan diskriminasi kaum dengan segera termasuk meminda, membatalkan dan memansuhkan undang-undang yang mengekalkan diskriminasi kaum. Dalam kata-kata lain, Perkara 153 perlu dimansuhkan dan segala dasar yang mengutamakan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, mestilah dihentikan.

Kita amat perlu membuat pengecualian (*reservation*) bukan hanya pada definisi di atas, tetapi lima atau enam daripada tujuh peruntukan utama ICERD. Adalah penting untuk menunjukkan bahawa di bawah Konvensyen Vienna mengenai undang-undang perjanjian, tidak ada pengecualian (*reservation*) yang dapat dibuat jika tidak sesuai dengan tujuan dan tujuan perjanjian. Negara-negara lain juga mungkin keberatan dengan pengecualian (*reservation*) besar tersebut yang perlu kita buat apabila menyentuh banyak peruntukan utama

ICERD. Pengecualian (*reservation*) ini boleh menyebabkan kita merasa malu sekiranya ditolak oleh negara lain.

Perbahasan yang sihat dan terbuka harus dilakukan dalam mencari titik kebersamaan dalam hal ini. Rakyat mesti dimaklumkan bahawa pengesahan ICERD, sebagaimana adanya, akan bertentangan dengan perlembagaan, dan bahawa Majlis Raja-Raja juga harus dimaklumkan sebelum pengesahan tersebut. Oleh sebab itulah kenyataan media dari pelbagai kumpulan yang memberikan tanggapan palsu atau mengelirukan mengenai kesan pengesahan tersebut amatlah dikesali.

Manakala kaitan dengan hubungan antara kaum, kita perlu memupuk dan membentuk perpaduan nasional berdasarkan syarat dan struktur perlembagaan kita sendiri, dan bukannya dibatasi oleh tekanan luar yang mungkin tidak peka terhadap sejarah, budaya dan kompromi perlembagaan kita. Dipercayai bahawa Malaysia tidak menandatangani ICERD selama ini kerana pelbagai alasan. Hal ini tentunya bukan disebabkan oleh ideologi rasis atau supremasi, tetapi ia adalah demi mengembangkan dan menyatukan pelbagai budaya di Malaysia.

## **KESAN RATIFIKASI**

Apabila sebuah negara meratifikasi mana-mana perjanjian hak asasi manusia antarabangsa, ia memikul kewajiban untuk melaksanakan hak-hak yang diakui dalam perjanjian itu. Dalam undang-undang hak asasi manusia antarabangsa, tanggungjawab negara adalah ketat di mana negara bertanggungjawab atas pelanggaran kewajiban perjanjian mereka walaupun ia tidak disengajakan. Negara yang meratifikasi harus mematuhi semua kewajiban yang termaktub dalam perjanjian hak asasi manusia, dan secara umum tidak dapat menghindarinya tanpa alasan yang kuat dan sah. Perkara 26 Konvensyen Vienna tentang Undang-Undang Perjanjian 1969 menyatakan bahwa, "*Setiap perjanjian yang berlaku mengikat pihak-pihak (negara) dan harus dilaksanakan oleh mereka dengan itikad baik.*"

Doktrin ini yang dikenali sebagai *pacta sunt servanda* menyokong keseluruhan sistem hubungan berdasarkan perjanjian antara negara berdaulat. Dengan kata lain, ini merujuk kepada peraturan bahawa negara yang mengambil bahagian dalam perjanjian perlu menepati janjinya, dan tidak dapat menggunakan peruntukan undang-undang domestiknya sebagai alasan atas kegagalan melaksanakan kewajiban perjanjiannya. Nilai utama *pacta sunt servanda* sebagai prinsip undang-undang antarabangsa telah diakui secara universal oleh semua negara selama berabad-abad. Awalnya berdasarkan praktik kebiasaan antara negara-negara, kemudian ia dimasukkan ke dalam Perjanjian Liga Bangsa-Bangsa sebelumnya dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang ada sekarang.

Menurut Shahrul Mizan Ismail (2018), prinsip itikad baik (*good faith*) dalam undang-undang antarabangsa adalah prinsip asas yang mana peraturan perundangan lain yang berkaitan dengan kejujuran, keadilan dan kewajaran diturunkan. Pelaksanaan itikad baik adalah mustahak dalam dunia hak asasi manusia. Tanpa prinsip ini, tidak akan memungkinkan berlakunya perjanjian hak asasi yang serius. Untuk membuat perjanjian, tanpa niat serius untuk melaksanakan kewajiban yang ditetapkan adalah sesuatu yang memalukan. Memasuki perjanjian dengan niat untuk memasukkan sebarang *reservation* (pengecualian) yang bertentangan langsung dengan objek dan tujuan perjanjian itu adalah sesuatu yang keji. Sering dikatakan bahawa undang-undang hak asasi manusia antarabangsa tidak ada polis pusat atau badan kehakiman wajib yang dapat mengawal semua negara berdaulat di dunia. Memandangkan kurangnya mekanisme penguatkuasaan antarabangsa yang efektif di dunia hak

asasi manusia, kewajiban terhadap *pacta sunt servanda* dalam realiti substantif sangatlah penting.

Di masa lalu banyak negara telah telah mengesahkan banyak instrumen antarabangsa termasuklah India, Sri Lanka dan Kemboja tetapi negara-negara ini masih lagi gagal dalam melindungi hak asasi manusia dalam pengamalan mereka. Apabila sebuah negara memilih untuk menjadi anggota mana-mana perjanjian hak asasi manusia, negara itu mesti melakukannya dengan suci hati. Dengan meratifikasi perjanjian, sebuah negara sebenarnya, secara sukarela berjanji untuk menerapkan, langkah-langkah domestik dan perundangan yang sesuai dengan kewajiban perjanjiannya.

Dalam konteks ICERD, Shahrul Mizan Ismail (2018) menjelaskan lagi bahawa Gerakan Antarabangsa Menentang Segala Bentuk Diskriminasi dan Rasisme (IMADR) bahawa ICERD menghendaki semua negara anggotanya mempunyai undang-undang yang secara jelas dan khusus melarang diskriminasi kaum dan tindakan yang berkaitan. Ini juga menuntut tindakan konkrit lebih lanjut dalam bidang kehakiman dan pemerintahan, serta dalam bidang budaya, pendidikan dan informasi. Pihak negara dianggap tidak memenuhi kewajibannya di bawah konvensyen hanya dengan mengutuk diskriminasi kaum. Contohnya adalah berkaitan dengan Argentina di mana jawatankuasa ICERD dalam Pemerhatian Penutupnya pada tahun 2010, menunjukkan bahawa diskriminasi kaum belum lagi didefinisikan sebagai kesalahan dalam undang-undang domestik Argentina sesuai dengan Konvensyen. Oleh itu, Jawatankuasa mengesyorkan agar Argentina melakukan segala kemungkinan agar diskriminasi kaum didefinisikan sebagai suatu kesalahan di bawah undang-undangnya. Perlu diketahui bahawa Indonesia pada tahun 2007 [CERD / C / IDN / CO / 3] (Para 356) jawatankuasa ICERD telah mengarahkan negara Indonesia untuk menerima pakai undang-undang ICERD secara komprehensif yang mempertimbangkan semua elemen definisi diskriminasi kaum yang terdapat dalam Perkara 1 ICERD bagi menjamin dalam memenuhi semua hak yang dinyatakan dalam Perkara 5 ICERD. Jawatankuasa juga meminta maklumat yang lebih terperinci mengenai langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua undang-undang domestik mematuhi ICERD.

Kesan selepas pengesahan juga merangkumi banyak perubahan penting lainnya seperti banyak pengubahsuaian terhadap dasar pemerintah, latihan pegawai kerajaan dan perlunya mewujudkan sistem pengumpulan data yang berkesan untuk tujuan mematuhi kewajiban pelaporan berkala terhadap perjanjian tersebut. Jawatankuasa ICERD juga menekankan semua kewajiban yang disenaraikan di bawah Perkara 7 ICERD bahawa semua pihak Negara diminta untuk memasukkan maklumat mengenai pelaksanaan peruntukan Perkara 7 itu dalam laporan yang mereka hantar kepada jawatankuasa ICERD.

Tandatangan dan pengesahan ICERD tidak sama dengan menyatakan kesetiaan kepada ICERD. Ketiadaan penguatkuasaan nyata memungkinkan beberapa pemerintah mengesahkan perjanjian yang tidak dapat mereka laksanakan. Ini pada akhirnya bertentangan dengan tujuan sebenar sistem pemantauan perjanjian hak asasi manusia. Meratifikasi perjanjian tanpa niat tulus untuk mematuminya hanya melanggar prinsip itikad baik. Seperti yang dijelaskan dengan tepat oleh *Amnesty International*, ratifikasi adalah petunjuk serius tentang komitmen pemerintah untuk melindungi dan menegakkan hak asasi manusia. Ini memberi jaminan bahawa Negara akan dikenakan kewajiban antarabangsa yang berterusan untuk menjamin hak asasi manusia yang spesifik dan mendasar, tidak kira siapa yang berkuasa. Pengesahan

instrumen hak asasi manusia antarabangsa menandakan permulaan proses, bukan akhir. Ini akan menjadi suatu proses yang panjang, merumitkan dan melibatkan kos yang mahal.

Sebagai contoh terhadap kesan sesuatu konvensyen antarabangsa yang telah diratifikasi oleh Malaysia boleh dilihat apabila Malaysia meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). CEDAW digunapakai apabila kerajaan Malaysia telah mula meratifikasikannya seawal tahun 1995. CEDAW telah mula berkuatkuasa pada tahun 1981 sebagai perjanjian hak asasi manusia antarabangsa pertama dan instrumen undang-undang utama yang mana sebahagian besar peruntukannya adalah bagi memenuhi keperluan wanita.

Menurut Fadilla Shaharom (2017), antara isu yang menjadi bualan hangat dan berkait dengan diskriminasi terhadap wanita adalah kes *Beatrice a/p At Fernandez v Sistem Penerbangan Malaysia and Anor [2004] 4 MLJ*, *Beatrice A/P Fernandez v. Sistem Penerbangan Malaysia & Anor [2004] 3 MLJ* serta kes *Noorfadila Ahmad Saiki v. Chayed Basirun [2012] 1 MLJ*, yang memaparkan berkenaan kehamilan dan kesan yang membawa maksud diskriminasi dalam kerjaya wanita.

Dalam kes *Beatrice* (perayu) adalah pekerja kepada Syarikat Penerbangan Malaysia (responden) sebagai Pramugari Kelas B. Perjanjian kolektif bertarikh 3 Mei 1998 telah menyatakan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan beliau. Artikel 2 (3) Perjanjian Kolektif mengkehendaki semua pramugari (agensi yang sama) untuk meletak jawatan selepas hamil. Responden pertama berhak untuk membatalkan servis beliau walaupun beliau menolak untuk diberhentikan. Perayu enggan berhenti apabila dia disahkan hamil dan telah ditamatkan perkhidmatannya oleh responden. Ini menyebabkan beliau bertindak memfailkan tindakan undang-undang di Mahkamah Tinggi dengan mengemukakan peruntukan Perjanjian Kolektif adalah mendiskriminasi. Oleh itu, tindakan tersebut telah melanggar Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan menjadikan Perjanjian Kolektif tersebut tidak sah. Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan menolak permohonannya. Perayu kemudian memohon kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan.

Dalam konteks Malaysia, walaupun ratifikasi yang dibuat kepada Konvensyen CEDAW dan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2001 yang menambah perkataan “jantina” ke dalam Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan untuk melarang diskriminasi, akan tetapi tafsiran semasa mahkamah dalam menegakkan hak wanita untuk mencapai kesaksamaan dan melarang sebarang diskriminasi gender adalah sempit dan dilihat sebagai tidak mencukupi untuk memberikan kesaksamaan gender secara penuh. Hal ini menyebabkan kesusahan yang tidak wajar bagi pihak wanita untuk mendapatkan perlindungan penuh dari Perlembagaan Persekutuan.

Manakala dalam kes *Noorfadila Ahmad Saikin v. Chayed Basirun*, Plaintiff telah memohon untuk mendapat pekerjaan sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Setelah menerima memo penempatan berkenaan pemberitahuan tentang jawatannya, dia telah diminta untuk menghadiri taklimat berhubung terma-terma pekerjaan perkhidmatannya. Sewaktu taklimat ini, plaintiff telah disoal sama ada dia hamil. Apabila Plaintiff mengakui dia hamil tiga bulan, memo penempatannya telah dibatalkan. Plaintiff telah menuntut agar pekerjaannya sebagai GSTT dikembalikan semula, tetapi beliau tidak menerima sebarang jawapan bertulis. Keputusan mahkamah bahawa membenarkan permohonan tanpa perintah untuk kos. Hakim Bicara dalam penghakimannya telah memutuskan bahawa perkataan ‘gender’ yang digunakan dalam Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan memenuhi obligasi atau pematuhan



Malaysia di bawah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita. Konvensyen CEDAW mempunyai kuasa undang-undang dan mengikat ke atas ahli negara yang telah meratifikasikannya termasuklah Malaysia. Dalam mentafsirkan Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan, adalah menjadi kewajipan mahkamah untuk mengambil kira komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa. Justeru itu, tidak menjadi halangan untuk mahkamah merujuk kepada Konvensyen CEDAW untuk mentafsir Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Keputusan kes ini telah menunjukkan usaha Kerajaan Malaysia dalam menggubal atau meminda sesuatu untuk mengelakkan diskriminasi terhadap wanita seperti menambah perkataan 'gender' sebagai suatu jenis diskriminasi dalam Perkara 8 (2). Penghakiman dalam mahkamah juga telah jelas menerima pakai Konvensyen CEDAW berbanding kes *Beatrice* di mana maksud diskriminasi yang ingin dicapai oleh Konvensyen CEDAW gagal diinterpreasikan di dalam mahkamah.

## **PENUTUP**

Matlamat utama ICERD adalah untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum dan mempromosikan toleransi antara semua bangsa mahupun etnik sebagai sebuah negara yang bertamadun. Dalam konteks Malaysia, ia menjadi isu besar politik dan dipolemikkan sehingga mencetuskan kegusaran khususnya oleh masyarakat Melayu-Islam yang melihat bahawa ICERD adalah undang-undang yang bercanggah dan boleh menjejaskan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang merupakan dasar afirmatif negara. Hak-hak tersebut adalah satu keistimewaan yang bukan bersifat mendiskriminasi hak kaum minoriti yang lain. Keistimewaan ini diberikan atas dasar hak peribumi berdasarkan sejarah negara ini sejak sera kolonial.

Kegusaran itu benar-benar dijelmakan melalui perhimpunan besar di Kuala Lumpur pada 2018 yang mahu menyuarakan bahawa ICERD tidak sepatutnya diratifikasi. Sekiranya kerajaan membuat keputusan mengesahkan / ratifikasi, bermakna dengan rasminya negara menerima kandungan ICERD. Maka semua undang-undang negara kita, termasuk Perlembagaan Persekutuan, akan terpaksa dipinda atau dimansuhkan. Segala peruntukan yang memberi keistimewaan kepada orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak terpaksa dimansuhkan atau dipinda.

Menurut Ahmad Yazid Othman (2018), bagi membolehkan Malaysia dapat mengesahkan ICERD sebagaimana mestinya, maka perlu Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dipinda. Pindaan tersebut akan memerlukan persetujuan lebih 2/3 legislatif dan Majlis Raja-Raja. Meminda Perkara 153 dan undang-undang di bawahnya tanpa perundingan yang tepat dengan semua pihak yang berkepentingan, khususnya Majlis Raja-Raja adalah suatu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Terdapat banyak institusi yang dipertaruhkan seperti MARA, MRSM dan UiTM. Bahkan turut merangkumi unit tentera Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) serta skim tanah rizab Melayu di bawah Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan dan pelbagai lagi enakmen negeri perlu dimansuhkan.

Pelantikan ke jawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa, dana siswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan, dan pemberian permit atau lesen dan sebagainya, tidak boleh mengikut kuota orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak

lagi. Jika ICERD disahkan, dijangkakan bahawa antara kesannya ialah hak keistimewaan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak akan terhapus dan hak Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertua Negeri yang mempertahankan dan memastikan ia dilaksanakan, juga akan dihapuskan.

Maka, dalam isu ini, Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertua - Yang Dipertua Negeri perlu dinasihatkan dengan betul untuk membolehkan mereka mengambil pendirian yang betul dan tindakan yang sewajarnya, demi mempertahankan dan melindungi Perlembagaan Persekutuan sedia ada.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad. 9 November 2018. Speeches, Working Papers & Lectures. *Tun Abdul Hamid Mohamad*. Diakses dari <http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/downl>.
- Ahmad Yazid Othman, Lukman Sheriff Alias and Aidil Khalid, Free Malaysia Today <https://www.malaysia-today.net/2018/10/25/signing-convention-on-racial-discrimination-easier-said-than-done/>
- Aminuddin Yahaya. 26 Februari 2019. Apa pengajaran dari Himpunan Bantah Icerd? *Malaysiakini*. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/columns/465577>.
- Amy Chew. 15 Disember 2018. Race and religion - when 'new Malaysia' faces off against old forces. *CNA*. Diakses dari <https://www.channelnewsasia.com/news/asia/malaysia-anti-icerd-rally-political-dimension-11029430>.
- Angaindrankumar Gnanasagaran. 18 Disember 2018. ICERD non-ratification tarnishes Malaysia's image. *The Asean Post*. Diakses dari <https://theaseanpost.com/article/icerd-non-ratification-tarnishes-malysias-image>.
- Astro Awani*. 21 November 2018. Kerajaan sedia tangguh ratifikasi ICERD – Saifuddin. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-sedia-tangguh-ratifikasi-icerd-saifuddin-191727>
- Astro Awani*. 23 November 2018. Kerajaan nyata pendirian tidak akan meratifikasikan ICERD. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-nyata-pendirian-tidak-akan-meratifikasikan-icerd-191861>.
- Astro Awani*. 24 November 2018. Bersatu sokong penuh tindakan kerajaan tidak ratifikasi ICERD. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-politik/bersatu-sokong-penuh-tindakan-kerajaan-tidak-ratifikasi-icerd-191915>.
- Audiovisual Library of International Law. N.d. International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination. Diakses dari <https://legan.un.org/avl/ha/icerd/icerd.html>.
- Fadilla Shaharom & Mahamatayuding Samah. 2017. Ratifikasi CEDAW Di Malaysia: Kesan Menurut Undang-Undang Dan Hukum Syarak. *Journal of Shariah Law Research*. Vol. 2 (2). 207-234. Diakses dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/4174/2025>.
- Halmie Azrie. December 24, 2018. En Route To Icerd: Malaysia at An Impasse (Part 2). *Iman Research*. Diakses dari <https://Imanresearch.Com/Panji-Alam-Monographs/En-Route-To-Icerd-Malaysia-At-An-Impasse-Part-2/>
- Hilmi Malik. 6 Disember 2018. ICERD: Rakyat Malaysia jadi mangsa mitos dan salah faham - Kit Siang. *Astro Awani*. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/icerd-rakyat-malaysia-jadi-mangsa-mitos-dan-salah-faham-kit-siang-192957>.
- International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) Document*.
- James Chin. 12 Disember 2018. Commentary: So much for a new Malaysia. *CNA Online*. Diakses dari <https://www.channelnewsasia.com/news/commentary/malaysia-anti-icerd-white-shirts-rally-race-religion-politics-11023236>.
- Jefferi Hamzah Sendut. 11 November 2018. Malaysia and the ICERD: Closer to Home Than You'd Think. Diakses dari [https://medium.com/@jhs\\_/malaysia-and-the-icerd-closer-to-home-than-you-d-think-6afd97ab68cc](https://medium.com/@jhs_/malaysia-and-the-icerd-closer-to-home-than-you-d-think-6afd97ab68cc).
- Kamilia Khairul Anuar. 7 Januari 2019. Analysing Malaysia's refusal to ratify the ICERD. *OxHRH Blog*. Diakses dari <https://ohrh.law.ox.ac.uk/analysing-malysias-refusal-to-ratify-the-icerd>.

- Luqman Arif Abdul Karim. 15 November 2018. Bantah ICERD sebab tak faham. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/498247/bantah-icerd-sebab-tak-faham>.
- M. Veera Pandiyan. 12 Disember 2018. Icerd and the politics of fear. *The Star*. Diakses dari <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/along-the-watchtower/2018/12/12/icerd-and-the-politics-of-fear-the-dec-8-rally-against-the-un-treaty-is-a-classic-example-of-how-pol>
- Malaysia Dateline*. 2018. WAWANCARA: Apa makna sebenar retifikasi ICERD. 23 November. Diakses dari <https://malaysiadateline.com/wawancara-apa-makna-sebenar-retifikasi-icerd/>.
- Malaysiakini Special Report. 2018. The ICERD Outrage. Diakses dari <https://pages.malaysiakini.com/icerd/en/>.
- Martin Carvalho. 20 Julai 2018. Saifuddin pledges to push for ratification of six international human rights conventions. *The Star*. Diakses dari [the-star.com.my/news/nation/2018/07/02/Saifuddin-pledges-to-push-for-ratification-of-six-international-human-rights-convention/](https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/02/Saifuddin-pledges-to-push-for-ratification-of-six-international-human-rights-convention/).
- Mohd Hafiz Ismail. 23 November 2018. *Sinar Harian Online*. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/734/BERITA/Nasional/ICERD-Saifuddin-perlu-letak-jawatan>.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2020. Pilihan Raya Dan Politik Malaysia Pasca PRU 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. Vol. 47 (1) (April 2020): 150-175.
- New Straits Times*. 24 November 2018. Why Malaysia backpedalled on ICERD ratification. Diakses dari <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/11/434078/why-malaysia-backpedalled-icerd-ratification>
- Nor Fazlina. 17 November 2018. PPBM reiterates rejection of ICERD, says it is ‘unnecessary’. *New Straits Times Online*. Diakses dari <https://www.nst.com.my/news/politics/2018/11/432227/ppbm-reiterates-rejection-icerd-says-it-unnecessary>.
- Raziatul Hanum A.Rajak. 24 November 2018. Tiga sebab ICERD tidak sesuai di Malaysia. *Sinar Harian*. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/839/BERITA/Nasional/Tiga-sebab-ICERD-tidak-sesuai-di-Malaysia>
- Safeek Afendy Razali. 8 Disember 2018. 55,000 peserta hadir Himpunan ICERD, kata Polis [METROTV]. *myMetro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/12/401844/55000-peserta-hadir-himpunan-icerd-kata-polis-metrotv>
- Shad Saleem Faruqi. 25 November 2018. To ratify or not to ratify no longer the question. *The Star*. Diakses dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/11/25/to-ratify-or-not-to-ratify-no-longer-the-question-but-the-icerd-remains-a-tempest-in-a-political-tea/by-shad-saleem-faruqi>
- Shahrul Mizan Ismail. 16 November 2018. ICERD, human rights and why Malaysia must practise good faith — Shahrul Mizan Ismail. *Malay Mail*. Diakses dari <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2018/11/16/icerd-human-rights-and-why-malaysia-must-practise-good-faith-shahrul-mizan/1694118>
- Syahirah Syed Jaafar. 18 November 2020. ICERD ratification should be revisited by new govt, say political analysts. *The Edge Markets Online*. Diakses dari <https://www.theedgemarkets.com/article/icerd-ratification-should-be-revisited-new-govt-say-political-analysts>

*United Nations Human Rights Office of The High Commissioner*. n.d. International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination. Diakses dari <https://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/cerd.aspx>

*United Nations Human Rights Office of The High Commissioner*. n.d. *Status Of Ratification Interactive Dashboard*. Diakses dari <https://indicators.ohchr.org/>.

*United Nations Treaty Collections*. n.d. Chapter IV Human Rights. Diakses dari [https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg\\_no=IV-2&chapter=4](https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg_no=IV-2&chapter=4).

Zulkifli Mohamad Al Bakri. 24 Nov 2018. ICERD tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia. *The Malaysian Insight*. Diakses dari <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/113855>.

## **STATUT**

Perlembagaan Persekutuan, 2012.

## **KES-KES**

*Iki Putra bin Mubarak lwn Kerajaan Negeri Selangor* (BKA-3-11/2019)

*Jill Ireland binti Lawrence lwn Menteri bagi Kementerian Dalam Negeri dan yang lain* (R4 (2)-25-256-2008)

*Beatrice a/p At Fernandez v Sistem Penerbangan Malaysia and Anor* [2004] 4 MLJ

*Beatrice A/P Fernandez v. Sistem Penerbangan Malaysia & Anor* [2004] 3 MLJ

*Noorfadila Ahmad Saiki v. Chayed Basirun* [2012] 1 MLJ